

**Agong Harap Malaysia Dan Vietnam Terus Kukuhkan Jalinan Persahabatan
Bernama
28 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin berharap Malaysia dan Vietnam akan terus mengukuhkan jalinan persahabatan dan persefahaman agar keamanan dan kestabilan di rantau Asean dapat dikekalkan.

Tuanku Mizan bertitah walaupun dunia kini berdepan dengan pelbagai cabaran, baginda yakin hubungan kerjasama di antara dua negara mempunyai potensi untuk terus berkembang, terutama sejak terjalin hubungan diplomatik 38 tahun lepas.

"Hubungan kedua-dua negara yang bergerak ke arah yang lebih bermakna adalah sesuatu yang membanggakan, ini dapat dilihat dengan perkembangan jumlah pelaburan Malaysia di Vietnam dan peningkatan jumlah perdagangan di antara Malaysia dan Vietnam.

"Beta yakin kerajaan Malaysia dan Vietnam akan terus bekerjasama demi kepentingan kedua-dua negara, rakyatnya serta bagi rantau Asean," titah Tuanku Mizan pada majlis Santapan Negara bagi meraikan Presiden Vietnam Truong Tan Sang dan isteri, Mai Thi Hanh di Istana Negara di sini.

Sang tiba di sini Rabu untuk lawatan rasmi selama tiga hari sebagai membalas kunjungan negara oleh Tuanku Mizan dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah pada Mac, 2009.

Turut berangkat ialah Raja Permaisuri Agung Tuanku Nur Zahirah. Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor juga hadir.

Seri Paduka bertitah kedua-dua negara wajar mengambil peluang dalam perkembangan positif ketibaan pelancong di Malaysia dan Vietnam dalam tempoh beberapa tahun lepas untuk memperkukuhkan lagi hubungan rakyat terutamanya di kalangan belia dan pelajar.

Tuanku Mizan percaya ini akan memberikan sumbangan yang besar dalam usaha merealisasikan objektif serantau penubuhan Komuniti Ekonomi Asean sebelum 2015.

Seri Paduka Baginda dalam titahnya turut mengucapkan tahniah kepada Sang atas pelantikan beliau sebagai Presiden Vietnam pada Julai lepas.

"Beta percaya kunjungan Tuan Yang Terutama ke Malaysia sebagai salah satu negara pertama menunjukkan keakraban hubungan dua hala yang wujud di antara kedua-dua negara," titah baginda.

Sementara itu, Sang dalam ucapannya berkata beliau kagum dengan pencapaian tinggi dan kemajuan pesat dalam pembangunan sosial dan ekonomi Malaysia.

"Kita kagumi sebenar pencapaian Malaysia dalam membina dan membangunkan negara ini menjadi sebuah negara yang indah dan moden dengan budaya yang unik dan kaya identiti 'Truly Asia'," katanya dalam bahasa Vietnam.

Teks ucapan beliau diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris.

Beliau berkata Malaysia menjadi rakan perdagangan dan pelaburan utama Vietnam dengan

jumlah dagangan dua-hala dan projek pelaburan.

"Kerjasama dua hala kita dalam pertahanan, keselamatan, buruh, pendidikan dan pelancongan..juga meningkat yang dipromosikan oleh kedua-dua pihak," kata beliau.

Sang juga percaya bahawa di bawah pemerintahan Tuanku Mizan dengan semangat berdikari dan kerja kuat, Malaysia akan mencapai hasratnya untuk mencapai Wawasan 2020.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=616438>